

28.6.1981.

Perhimpunan hari kedua mulai dengan mengundi

KUALA LUMPUR, Sabtu. — Hari kedua Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung pagi ini dengan dimulakan pembuangan undi untuk jawatan Timbalan Pengerusi tetap dan 20 kerusi Majlis Tertinggi.

Pembuangan undi tersebut ditangguhkan semalam selepas pengumuman keputusan Naib Presiden. Ini disebabkan kesuntukan waktu.

Pengerusi Tetap, Senator Datuk Sulaiman Ninam Shah meminta

perwakilan mengambil tempat masing-masing pada jam 8.43 pagi dan pengundian dimulakan pada jam 8.50 pagi.

Katanya, perwakilan membuang undi untuk memilih kedua jawatan tersebut dengan secepat

mungkin bagi menjimatkan masa kerana pengiraan undi akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua jam.

Beliau memberitahu perhimpunan, seorang menarik diri dari

merebut jawatan Timbalan Pengerusi Tetap dan seorang lagi merebut jawatan Majlis Tertinggi.

Mereka ialah Encik Abu Bakar Ali dan Encik Mazlan Harun.

Datuk Hussein Onn hadir bersama Datuk Seri Dr. Mahathir dan Timbalan Presiden yang baru dipilih, Datuk Musa Hitam. Tengku Razaleigh serta lain-lain ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Mereka adalah yang terakhir membuang undi untuk jawatan berkenaan. Pengundian mengambil masa kira-kira tiga jam.

Selepas pengundian, Tengku Razaleigh Hamzah selaku Bendahari UMNO mengemukakan usul supaya Perhimpunan melantik firma odit, Manafiah, Raslan dan Mohamed. Usul tersebut diterima tanpa bahas.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia